

# OMIFLU CAPSULE

Oseltamivir (75mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan OMIFLU
2. Bagaimana OMIFLU berfungsi
3. Sebelum menggunakan OMIFLU
4. Cara menggunakan OMIFLU
5. Semasa menggunakan OMIFLU
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan OMIFLU
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan OMIFLU

OMIFLU digunakan untuk merawat dan mencegah influenza (suatu jangkitan yang disebabkan oleh virus influenza). Rawatan pencegahan hanya diberi kepada orang yang pernah terdedah kepada kes influenza yang disahkan secara klinikal apabila virus influenza sedang merebak dalam komuniti. Ia tiada kesan pada selsema biasa atau jangkitan virus pernafasan yang lain.

## Bagaimana OMIFLU berfungsi

OMIFLU tergolong dalam satu kumpulan ubat yang dikenali sebagai penghalang neuraminidase. Ubat ini menyerang virus influenza dan mencegahnya daripada merebak di dalam badan anda.

## Sebelum menggunakan OMIFLU

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan OMIFLU jika:

- Anda pernah ada reaksi alahan terhadap OMIFLU atau sebarang bahan lain yang disenaraikan di hujung risalah ini.
- Pembungkusan koyak atau terdapat tanda salahguna
- Tarikh luput yang tertera pada pek telah lepas

Jika anda tidak pasti sama ada anda harus mengambil OMIFLU, bincang dengan doktor anda.

- Sebelum mula menggunakan OMIFLU

Beritahu doktor anda jika:

- Anda hamil atau bercadang untuk hamil. Adalah tidak diketahui sama ada OMIFLU berbahaya terhadap bayi yang belum lahir apabila diambil oleh wanita hamil. Jika ada keperluan untuk mengambil OMIFLU semasa anda hamil doktor anda akan berbincang tentang risiko dan manfaat kepada anda dan bayi yang belum lahir.
- Anda menyusu anak atau bercadang untuk menyusu anak. OMIFLU mungkin meresap ke dalam susu ibu. Doktor anda akan membincangkan risiko dan manfaat jika anda sedang menyusu anak.
- Anda ada masalah kesihatan yang lain, terutamanya berikut:

- Kegagalan buah pinggang, kerosakan buah pinggang atau penyakit buah pinggang
- anda alah kepada ubat lain, makanan, pewarna atau pengawet.

Sekiranya anda belum beritahu doktor anda tentang mana-mana di atas, beritahu mereka sebelum anda mula mengambil OMIFLU.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat lain mungkin akan dijejaskan oleh OMIFLU, atau mungkin menjelaskan keberkesanannya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan. Doktor anda akan menasihati anda.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil OMIFLU.

## Cara menggunakan OMIFLU

- Berapa banyak harus digunakan

Ambil OMIFLU seperti yang dipreskripsikan oleh doktor anda.

## RAWATAN INFLUENZA

Dos OMIFLU yang disyorkan untuk orang dewasa dan remaja adalah 75 mg dua kali sehari selama lima hari.

## PENCEGAHAN INFLUENZA

Dos pencegahan OMIFLU yang disyorkan untuk orang dewasa dan remaja adalah 75 mg sekali setiap hari.

### - Bila perlu digunakan

Rawatan dengan OMIFLU harus dimulakan secepat mungkin, tetapi tidak lebih daripada 48 jam selepas simptom pertama influenza.

Untuk rawatan influenza, OMIFLU perlu diambil pada wakttu pagi dan petang.

Untuk pencegahan influenza, OMIFLU patut diambil sekali setiap hari.

Ambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari akan membantu anda mengingati masa untuk mengambil ubat.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini selagi dinasihati oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gandakan dos anda untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ini mungkin meningkat peluang anda

mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika anda sukar mengingati masa untuk mengambil ubat anda, minta petua daripada ahli farmasi anda.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil OMIFLU, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada sebarang tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Sesetengah simptom terlebih dos yang mungkin atau tidak mungkin berlaku termasuk:

- Loya (rasa seperti muntah)
- Muntah

## Semasa menggunakan OMIFLU

### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor anda jika anda ada kegagalan buah pinggang atau kerosakan atau sebarang masalah lan dengan buah pinggang anda.

Beritahu doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil OMIFLU.

Beritahu doktor anda jika anda hamil semasa mengambil OMIFLU.

Beritahu doktor anda jika, untuk sebarang sebab, anda tidak mengambil ubat seperti yang dipreskripsi.

Beritahu doktor anda jika anda berasa symptom bertambah teruk selepas mengambil OMIFLU.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil OMIFLU atau tukar dos sebelum berbincang dengan doktor anda dahulu.

Jangan biarkan anda kehabisan ubat pada hujung minggu atau cuti umum.

Jangan beri OMIFLU kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

Jangan menggunakan OMIFLU untuk merawat sebarang masalah lain, melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan mengambil sebarang ubat lain tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda dahulu.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana OMIFLU mempengaruhi anda.

## Kesan-sesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mendapat sesetengah kesan sampingan.

Beritahu doktor anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- loya (berasa seperti muntah)
- muntah
- sakit perut
- pening
- sakit kepala

- keletihan
- ruam kulit
- hepatitis (radang hati)
- angina (sakit dada)
- anemia (kekurangan sel darah merah)
- konvulsi (sawan/epilepsi)
- tingkah laku yang luar biasa
- halusinasi
- kecelaranan

Ambil OMIFLU bersama makanan mungkin mengurangkan potensi kesan sampingan.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

#### Cara penyimpanan dan pelupusan OMIFLU

##### - Penyimpanan

Simpan ubat di tempat dengan suhu di bawah 30°C. Lindunginya daripada cahaya.

Jangan simpan OMIFLU atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkannya di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat. Simpan OMIFLU di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari berkunci yang sekurang-kurangnya satu setengah meter ke atas adalah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

##### - Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil OMIFLU atau ubat ini sudah melepassi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Pulangkan sebarang ubat yang tidak digunakan kepada ahli farmasi anda.

#### Pemegang Produk      Pendaftaran

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

#### Tarikh kemaskini RiMUP 12/11/2015

#### Nombor Siri BPFK(R4/1)121115/00420

#### Maklumat lanjut

##### - Rupa dan warna produk

Kapsul bersaiz ‘2’, berwarna kuning/ putih dengan tanda “DUO 861”

##### - Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Oseltamivir

Bahan-bahan tidak aktif

- Croscarmellose sodium
- Starch
- Magnesium stearate
- Polyvinylpyrrolidone
- Talc

##### - Nombor MAL

MAL07090926A

#### Pengilang

DUOPHARMA (M) SDN.  
BHD. (42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.